

PELAKSANAAN ISTIBDAL DALAM KES PENGAMBILAN TANAH WAKAF

SITI ARIFAH BINTI ABDUL KADER

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL 2018

DEDIKASI

**Teristimewa buat Allahyarham bapa dan Allahyarhamah mama tersayang,
Hj. Abdul Kader Bin N. Mohd dan Hjh. Ameer Jahan Binti Mohd. Haniffa**

Pemergian bapa baru-baru ini amat terasa buat diri anakandamu yang amat terasa kehilangan bapa.. Bapalah senantiasa ada dan menemani perjalanan pembelajaran Ijazah Sarjana anakandamu ini yang penuh dengan liku-liku cabaran.. Sesungguhnya, Ijazah Sarjana ini adalah hadiah yang tidak ternilai untuk arwah bapa dan arwah mama.. Walaupun bapa dan mama tiada lagi di dunia ini untuk melihat anakandamu ini mengenggam Ijazah Sarjana yang diimpikan, anakanda akan senantiasia mendoakan kebahagiaan bapa dan mama di-Sana.. Tenanglah bapa dan mama di-Sana.. Semoga roh arwah bapa dan arwah mama ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Amin...

Tidak dilupakan adik-beradik yang dikasihi,

Hamzath Bahiyah, Mohamad Yasrib, Siti Fadzillah dan Mohamad Zabir.

Terima kasih diatas doa dan sokongan serta inspirasi yang sangat bermotivasi yang diberikan untuk adikmu ini dalam meneruskan perjuangan menuntut ilmu sehingga dikurniakan Ijazah Sarjana yang tidak ternilai harganya ini...

Buat penyelia dan pensyarah di Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah

Terima kasih tidak terhingga diucapkan di atas doa yang diberikan, bantuan dan tunjuk ajar sepanjang melakukan penyelidikan ini...

Buat kenalan dan teman-teman seperjuangan

Terima kasih diucapkan di atas doa dan segala sokongan moral yang diberikan. Kalian adalah pembakar semangat untuk meneruskan perjuangan ini. Buat rakan-rakan yang sedang dalam pengajian, teruskan usaha murni anda ini kerana sesungguhnya tiada titik noktah dalam menuntut ilmu...

PENGHARGAAN



Assalamualaikum W.B.T..Alhamdulillah, syukur saya panjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya, dapat juga saya menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya bagi memenuhi syarat Ijazah Sarjana Falsafah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah ini pada tempoh masa yang ditetapkan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada penyelia saya, Mejar Dr. Wan Ibrisam Fikry Bin Wan Ismail yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan berkongsi idea-idea yang menarik dari permulaan kajian ini sehingga selesai kajian ini dilakukan. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada kedua-dua panel semasa pembentangan akhir tesis saya iaitu, Sr Dr. Mohd Nadzri Bin Jaafar selaku pemeriksa dalam dan Prof. Madya Dr. Abdul Halim Bin Mohd Noor selaku pemeriksa luar dan pengerusi iaitu Prof. Madya Dr. Hj. Ibrahim@Atan Bin Sipan di atas kesudian memberi pandangan dan kritikan yang sangat membina bagi saya untuk melakukan penambahbaikan dalam kajian yang saya lakukan ini.

Pada kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih tidak terhingga kepada kesemua responden yang terlibat dalam kajian yang saya lakukan ini. Segala kerjasama anda sepanjang saya melakukan sesi temu bual amatlah saya hargai.

Akhir madah, semoga penghasilan tesis ini ianya dapat menjadi sumber rujukan yang berguna kepada para pelajar khususnya dalam bidang wakaf untuk tujuan penambahbaikan institusi yang mulia ini pada suatu masa akan datang, Insya Allah.

ABSTRAK

Di Malaysia, pengambilan tanah bagi tanah bermilik giat dilakukan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bagi kemudahan dan kesejahteraan rakyat menjelang Wawasan 2020. Selain daripada tanah bermilik, tanah-tanah wakaf juga telah terlibat dalam pengambilan tanah oleh pihak berkuasa. Secara umumnya, tanah wakaf yang diambil oleh pihak berkuasa adalah menggunakan undang-undang Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Walau bagaimanapun, tiada prosedur khusus pengambilan tanah wakaf di dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Ini telah menimbulkan isu dimana pihak berkuasa melakukan pengambilan tanah wakaf bukan untuk keperluan *masalah ammah* sepertimana dikehendaki oleh undang-undang syariah, tetapi untuk tujuan umum pembangunan negeri. Kebenaran isu ini terbukti melalui kajian yang dijalankan di negeri Kedah apabila terdapat beberapa projek pembangunan seperti projek pembangunan landasan berkembar keretapi, kompleks membeli belah dan sebagainya yang dibangunkan di atas tanah-tanah wakaf. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji pelaksanaan pengambilan tanah wakaf di Kedah ke arah cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Dalam mencapai matlamat kajian ini, dua objektif telah dirangka. Objektif yang pertama adalah untuk mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah. Objektif kedua pula adalah untuk mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf dengan menggunakan negeri Kedah sebagai kajian kes. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasikan kajian kes sebagai reka bentuk kajian. Sebanyak empat kes pengambilan tanah wakaf di Kedah telah dikaji. Proses pengumpulan data dalam kajian ini terbahagi kepada dua iaitu pengumpulan data melalui data primer dan data sekunder. Data primer merupakan data yang diperoleh hasil daripada temu bual bersama beberapa orang responden seperti pegawai wakaf di Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) dan Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), penolong pengarah di Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), pensyarah kanan di Jabatan Pengurusan Harta Tanah Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), pakar dalam pengambilan tanah, peguam dan perancang bandar manakala data sekunder iaitu data yang diperoleh daripada dokumen, buku, artikel, jurnal dan bahan bacaan yang lain. Analisis kandungan telah digunakan bagi menganalisis keempat-empat kes dalam pengambilan tanah wakaf bagi mengenal pasti isu dan masalah manakala persepsi responden dikodkan dalam analisis untuk cadangan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di Kedah. Hasil daripada kajian ini mendapati perlunya pindaan dilakukan kepada beberapa seksyen dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dengan memasukkan seksyen khas untuk tanah wakaf. Ini kerana penggunaan tanah wakaf adalah untuk tujuan pembangunan ekonomi dan bukannya untuk memenuhi keperluan *masalah ammah* yang dinyatakan dalam undang-undang syariah. Kajian ini telah menyumbang kepada bidang wakaf dengan cadangan pindaan dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dengan menambah seksyen khas untuk tanah wakaf dan pihak-pihak yang berkepentingan.

ABSTRACT

In Malaysia, land acquisition for alienated land has been carried out to implement various development projects for the benefit of the public and their well-being toward achieving Vision 2020. Other than alienated land, the waqf land has also been included in the land acquisition by the Government. In general, waqf land may be acquired by Government using the Land Acquisition Act (LAA) 1960. However, in the Land Acquisition Act (LAA) 1960, there is no specific procedure for the acquisition of waqf land. This has led to the issue of the waqf land being taken by state authorities not for the purposes of *masalah ammah* as required by Shariah law, but for the general development of the state. This issue has been proven through a study conducted in the state of Kedah where there have been several development projects such as double-track railway project, shopping complex and other development projects on waqf lands. Therefore, the aim for this study is to examine the waqf land acquisition in Kedah in order to propose amendments to the Land Acquisition Act (LAA) 1960. In order to achieve this, two objectives were developed. The first objective was to examine the issues and problems of waqf land acquisition cases in Kedah. The second objective was to propose improvements in waqf land acquisition using state of Kedah as a case study. This study employed the qualitative approach with the application of case study as the research design. Four cases on waqf land acquisition in Kedah were studied. Data collection was divided into two groups that is primary data and secondary data. The primary data was collected through interviews with respondents from waqf officer in Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) and Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), deputy director in Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), senior lecturer from Department of Real Estate and Management Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), land acquisition expert, lawyer and town planner whereas the secondary data were obtained through documents, books, articles, journals and other sources of reading materials. Content analysis was applied to analyse the four cases on waqf land acquisition in order to identify the issues and problems while respondents' perceptions were coded in analysis to propose improvements in waqf land acquisition in Kedah. It was found that several sections of the Land Acquisition Act (LAA) 1960 need to be amended to include a special section for waqf land. This is due to the use of waqf land for contribution to the economy rather than fulfilling the need of *masalah ammah* as stated in the Shariah law. This study has contributed to the field of waqf by recommending a proposal for the amendments of Land Acquisition Act (LAA) 1960 to include a special section on waqf land and its stakeholders.

SENARAI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	PENAKUAN PENGARANG	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	SENARAI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Pernyataan Masalah	3
	1.3 Jurang Kajian	6
	1.4 Fokus Kajian	7
	1.5 Matlamat Kajian	8
	1.6 Persoalan Kajian	8
	1.7 Objektif Kajian	9
	1.8 Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian	9
	1.9 Skop Kajian	10
	1.10 Kepentingan Kajian	14
	1.10.1 Bidang Ilmu Wakaf	15
	1.10.2 Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)	17
	1.10.3 Penggubal Undang-Undang	18

1.10.4	Pihak Berkuasa Negeri (PBN)	20
1.10.5	Masyarakat Umum	20
1.11	Metodologi Kajian	21
1.11.1	Peringkat 1: Kajian Awalan	21
1.11.2	Peringkat 2: Kajian Teoritikal	22
1.11.3	Peringkat 3: Metod yang Digunakan	22
1.11.4	Peringkat 4: Pengumpulan Data	23
1.11.5	Peringkat 5: Analisis Kajian	24
1.11.6	Peringkat 6: Penemuan dan Rumusan	24
1.12	Carta Alir Kajian	25
1.13	Jangkaan Penemuan	26
1.14	Kesimpulan	26
2	HARTA WAKAF DALAM PENGAMBILAN BALIK TANAH	
2.1	Pengenalan	28
2.2	Definisi Wakaf	29
2.3	Pensyariatan Wakaf	32
2.3.1	Pensyariatan Wakaf dari Sudut Al-Quran	33
2.3.2	Pensyariatan Wakaf dari Sudut Al-Hadith	35
2.4	Jenis-Jenis Wakaf	38
2.4.1	Wakaf Ahli	38
2.4.2	Wakaf Khairi	39
2.4.3	Wakaf Irsod	40
2.4.4	Wakaf Musytarak	40
2.4.5	Wakaf Istibdal	41
2.4.6	Wakaf Tunai	41
2.5	Rukun Wakaf	42
2.6	Syarat Wakaf	44
2.7	Hikmah dan Kelebihan Berwakaf	45
2.8	Perkembangan Wakaf di Negara-Negara Islam dan Minoriti Penduduk Islam	46
2.8.1	Malaysia	47
2.8.2	Indonesia	51

2.8.3	Brunei Darussalam	53
2.8.4	Singapura	55
2.9	Wakaf dalam Peruntukan Undang-Undang di Malaysia	58
2.9.1	Wakaf dalam Perlembagaan Persekutuan	59
2.9.2	Wakaf dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965	64
2.10	Proses Pendaftaran Tanah Wakaf	65
2.11	Proses Pengambilan Tanah Wakaf Mengikut Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960	75
2.11.1	Peringkat Pra Pengambilan	75
2.11.2	Peringkat Pengambilan	77
2.11.3	Peringkat Pasca Pengambilan	78
2.12	Pengambilan Tanah Mengikut Undang-Undang Islam	79
2.13	Kesimpulan	81
3	AMALAN ISTIBDAL SELEPAS PROSES PENGAMBILAN TANAH WAKAF	
3.1	Pengenalan	83
3.2	Definisi Istibdal	84
3.3	Objektif Istibdal	84
3.4	Hikmah Istibdal	86
3.5	Perspektif Fuqaha Mengenai Istibdal Harta Wakaf	87
3.5.1	Mazhab Shafi'e	87
3.5.2	Mazhab Maliki	89
3.5.3	Mazhab Hanafi	90
3.5.4	Mazhab Hanbali	91
3.6	Syarat-Syarat Istibdal	92
3.6.1	Syarat-Syarat Harta Wakaf Asal sebelum Diistibdalkan	92
3.6.2	Syarat-Syarat Harta Wakaf Gantian selepas Diistibdalkan	94
3.7	Keperluan Istibdal	96

3.8	Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negara-Negara Islam	96
3.8.1	Malaysia	97
3.8.1.1	Istibdal Wakaf di Negeri Kedah	98
3.8.1.2	Istibdal Wakaf di Negeri Pulau Pinang	110
3.8.1.3	Istibdal Wakaf di Negeri Kelantan	111
3.8.3	Rumusan Istibdal Wakaf di Malaysia	114
3.8.4	Indonesia	114
3.8.5	Rumusan Istibdal Wakaf di Indonesia	126
3.8.6	Singapura	129
3.8.7	Rumusan Istibdal Wakaf di Singapura	134
3.8.8	Brunei Darussalam	134
3.9	Kesimpulan	135
4	METODOLOGI KAJIAN	
4.1	Pengenalan	135
4.2	Pendekatan Kajian	135
4.2.1	Kajian Kualitatif	139
4.3	Reka Bentuk Kajian	141
4.3.1	Kajian Kes	144
4.4	Pengumpulan Data	149
4.4.1	Data Primer	150
4.4.2	Data Sekunder	157
4.5	Analisis Data	159
4.6	Kesimpulan	161
5	KAJIAN TERHADAP KES-KES ISTIBDAL DALAM PENGAMBILAN TANAH WAKAF DI KEDAH	
5.1	Pengenalan	164
5.2	Senarai Kes-Kes Istibdal daripada Proses Pengambilan Tanah di Negeri Kedah	163
5.3	Kajian Kes 1	164
5.3.1	Lot Tanah Wakaf yang Terlibat dengan Pengambilan Tanah: Lot 0000623, Bandar	164

	Alor Setar	
5.3.2	Sejarah dan Keadaan Asal Lot 0000623, Bandar Alor Setar	165
5.3.3	Syarat Sampingan daripada Keputusan Fatwa dan Proses Istibdal Lot 0000623, Bandar Alor Setar	169
5.4	Kajian Kes 2	170
5.4.1	Lot Tanah Wakaf yang Terlibat dengan Pengambilan Tanah Wakaf: Lot 35, Lot 121 dan Lot 783, Mukim Titi Gajah	170
5.4.2	Keadaan Asal Lot 35, Lot 121 dan Lot 783 Mukim Titi Gajah	171
5.4.3	Proses Istibdal Lot 35, Lot 121 dan Lot 783, Mukim Titi Gajah	174
5.5	Kajian Kes 3	174
5.5.1	Lot Tanah Wakaf yang Terlibat dengan Pengambilan Tanah: Tanah Wakaf Lot 3 dan Lot 1219 yang Terletak di Kampung Tok Serun, Daerah Kota Setar dan Lot 4 dan Lot 5 yang Terletak di Kampung Pegawai, Daerah Kota Setar	174
5.5.2	Keadaan Asal Tanah Wakaf Lot 3 dan Lot 1219 yang Terletak di Kampung Tok Serun, Daerah Kota Setar dan Lot 4 dan Lot 5 yang Terletak di Kampung Pegawai, Daerah Kota Setar	175
5.5.3	Proses Istibdal Tanah Wakaf Lot 3 dan Lot 1219 yang Terletak di Kampung Tok Serun, Daerah Kota Setar dan Lot 4 dan Lot 5 yang Terletak di Kampung Pegawai, Daerah Kota Setar	177
5.6	Kajian Kes 4	177

5.6.1	Lot Tanah Wakaf yang Terlibat dengan Pengambilan Tanah: Tanah Wakaf Lot 12613 yang Terletak di Kampung Besar Sungai Batang, Daerah Baling dan Lot 2402 yang Terletak di Kampung Charuk Bakung, Daerah Baling	177
5.6.2	Keadaan Asal Tanah Wakaf Lot 12613 yang Terletak di Kampung Besar Sungai Batang, Daerah Baling dan Lot 2402 yang Terletak di Kampung Charuk Bakung, Daerah Baling	178
5.6.3	Proses Istibdal Tanah Wakaf Lot 12613 yang Terletak di Kampung Besar Sungai Batang, Daerah Baling dan Lot 2402 yang Terletak di Kampung Charuk Bakung, Daerah Baling	180
5.7	Kesimpulan	181
6	ANALISIS DAN PERBINCANGAN KAJIAN	
6.1	Pengenalan	183
6.2	Isu dan Masalah bagi Kes-Kes Pengambilan Tanah Wakaf di Kedah	183
6.2.1	Kajian Kes 1: Kes Pengambilan Tanah Wakaf bagi Pembinaan Kompleks Membeli Belah	183
6.2.2	Kajian Kes 2: Kes Pengambilan Tanah Wakaf bagi Pembesaran Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim	187
6.2.3	Kajian Kes 3: Kes Pengambilan Tanah Wakaf bagi Pembinaan Landasan Keretapi Berkembar Elektrik dari Ipoh, Perak ke Padang Besar, Perlis	190
6.2.4	Kajian Kes 4: Kes Pengambilan Tanah	191

6.3	Analisis Isu Penggunaan Undang-Undang Sivill dalam Urusan Pengambilan Tanah Wakaf sebagai Indikator Utama Kajian	193
6.4	Cadangan Penambahbaikan dalam Pengambilan Tanah Wakaf di Kedah	195
6.4.1	Cadangan 1: Semakan Semula Seksyen Seksyen dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960	197
6.4.2	Cadangan 2: Penglibatan Pihak Perancang Bandar dalam Pengambilan Tanah Wakaf	203
6.4.3	Cadangan 3: Penglibatan Secara Langsung MAIK dalam Pengambilan Tanah Wakaf	205
6.4.4	Cadangan 4: Pelaksanaan Konsep “ <i>Land Swap</i> ” oleh Pihak yang Mengambil Tanah Wakaf	207
6.4.5	Cadangan 5: Penglibatan Mahkamah Syariah dalam Kes-Kes yang Melibatkan Tanah Wakaf	209
6.5	Relevansi Cadangan Pindaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960	211
6.6	Kesimpulan	216
7	RUMUSAN	
7.1	Pendahuluan	217
7.2	Penemuan Kajian	217
7.2.1	Penemuan Kajian 1	218
7.2.2	Penemuan Kajian 2	220
7.3	Cadangan Kajian Lanjutan	221
7.4	Sumbangan Kajian	222
	BIBLIOGRAFI	227
	Lampiran A (Contoh: Borang Temu Bual)	236

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Senarai Aktiviti JAWHAR bagi Kategori Wakaf pada Tahun 2012 sehingga 2016	50
3.1	Senarai Tanah-Tanah Wakaf yang Terlibat dengan Pengambilan Tanah di Negeri Kedah	100
3.2	Kes-Kes Istibdal Harta Wakaf di Pulau Pinang	110
3.3	Kes-Kes Istibdal Harta Wakaf di Kelantan	112
3.4	Kes-Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Masjid atau Mushalla	116
3.5	Kes-Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Madrasah atau Sekolah	118
3.6	Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Tanah Wakaf Kubur	120
3.7	Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Pusat Asuhan	120
3.8	Kes-Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Tanah Wakaf Pertanian	121
3.9	Kes-Kes Istibdal Wakaf bagi Kategori Tanah Wakaf yang Tidak Bermanfaat atau Tidak Produktif	124
3.10	Kes-Kes Istibdal Harta Wakaf di Singapura	130
3.11	Istibdal Wakaf Masjid Bencoolen dan 4 Unit Kedai	130
3.12	Istibdal Wakaf Kassim di Jalan Changi	131
3.13	Istibdal Wakaf Tanah Wakaf di Jalan Duku	132
3.14	Istibdal Wakaf Haji Yahya Lukmanji Saif	132
3.15	Istibdal Wakaf Madrasah Al-Ma'arif Al-Islamiah	133
3.16	Istibdal Wakaf 43 Hartanah Wakaf MUIS	133
4.1	Perbandingan Pendekatan Kuantitatif dan Kualitatif	138

4.2	Ciri-Ciri Penyelidikan Kualitatif	140
4.3	Dimensi untuk Membandingkan Tradisi Penyelidikan dalam Penyelidikan Kualitatif	143
4.4	Senarai Responden yang Ditemu Bual	153
4.5	Objektif dan Teknik Analisis dalam Kajian	160
5.1	Kes-Kes Istibdal Harta Wakaf di Kedah	163
5.2	Jumlah Bayaran Pampasan	169
5.3	Jumlah Bayaran Pampasan	173
8.1	Senarai Kod dan Responden yang Ditemu Bual	221

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Bidang Kajian dalam Penyelidikan yang Dijalankan	8
1.2	Carta Alir Kajian	25
3.2	Carta Alir Pemberitahuan Melalui Notis Hadir Bicara Pengambilan Tanah	106
3.3	Carta Alir Pemberitahuan Melalui Notis Hadir Mesyuarat Penyelarasan Cadangan Pembangunan Tanah oleh Jabatan atau Pemberitahuan Secara Bertulis atau Kertas Cadangan Pembangunan oleh Agensi	107
3.4	Proses Istibdal yang Dijalankan oleh MAIK Terhadap Tanah yang Didaftarkan Sebagai <i>Reserve Certificate (RC)</i>	109
4.1	Reka Bentuk Kajian	141
4.2	Langkah-Langkah Reka Bentuk Kajian Kes	145
4.3	Proses Pengumpulan Data	149
5.1	Keadaan Asal Tapak Madrasah Salihiah	165
5.2	Bangunan Lama Plaza Tunku Yaakob	166
5.3	Surau Al-Aman di Kompleks Aman Sentral dari Pandangan Luar	170
5.4	Wajah Baru Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kedah	173
5.5	Keretapi ETS pada Landasan Berkembar Elektrik yang Baru	176
5.6	Empangan Beris	179
5.7	Landskap Penempatan Bandar Baru Beris Jaya	181

SENARAI SINGKATAN

AMLA	-	<i>Administration of Muslim Law Act</i>
APT	-	Akta Pengambilan Tanah 1960
BWI	-	Badan Wakaf Indonesia
JAWHAR	-	Jabatan Wakaf Zakat dan Haji
JUPEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan
KTMB	-	Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTN	-	Kanun Tanah Negara 1965
MAIDAM	-	Majlis Agama Islam Negeri Terengganu
MAIK	-	Majlis Agama Islam Kedah
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAINPP	-	Majlis Agama Islam Pulau Pinang
MUIB	-	Majlis Ugama Islam Brunei
MUIS	-	Majlis Ugama Islam Singapura
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PKNK	-	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
RC	-	<i>Reserve Certificate</i>
YWM	-	Yayasan Waqaf Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKASURAT
A	Contoh Borang Temu Bual	236

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Amalan wakaf dalam Islam telah wujud sejak zaman Baginda Rasulullah S.A.W lagi apabila Baginda Rasulullah S.A.W sendiri dan diikuti oleh beberapa orang sahabat Baginda Rasulullah S.A.W kemudiannya telah mewakafkan harta untuk perkembangan dan pembangunan masyarakat Islam pada ketika itu. Tujuannya adalah tidak lain iaitu untuk perkembangan syiar Islam dan untuk keperluan masyarakat muslim sejagat pada masa itu. Oleh itu, institusi wakaf masa kini memainkan peranan yang amat penting di beberapa buah negara Islam yang sedang membangun dengan pelbagai kemajuan malah wakaf telah diangkat sebagai salah satu sumber ekonomi sesebuah negara. Tidak dinafikan, dunia sedang mengalami masalah kejatuhan dan kenaikan ekonomi global dan adakalanya negara-negara Islam yang sedang membangun ini menghadapi masalah dalam aspek pengurusan ekonomi yang tidak menentu yang mengikut pada pasaran ekonomi dunia. Oleh yang demikian, institusi wakaf merupakan sebuah institusi alternatif yang sangat berperanan sebagai sumber pembiayaan dalam menampung beberapa keperluan umat Islam antaranya untuk mengimarahkan tempat-tempat beribadat orang Islam, untuk keperluan sistem pendidikan masyarakat Islam serta pelbagai lagi manfaat dan kebaikan daripada amalan berwakaf ini.

Namun, dewasa ini oleh kerana ledakan arus pembangunan pada masa kini dengan pelbagai kerancakan projek-projek pembangunan, tidak dinafikan tanah-tanah wakaf juga telah menerima tempias apabila pihak berkuasa telah menjalankan pengambilan tanah bagi tanah-tanah wakaf untuk menjalankan sesuatu projek atas alasan pembangunan ekonomi dan untuk faedah orang awam.

Sebagai contoh di Malaysia, dapat dilihat saban hari pelbagai projek-projek pembangunan giat dijalankan dibandar-bandar besar serta di desa demi untuk kesejahteraan rakyat terpelihara menjelang Wawasan 2020 yang kurang dari 2 tahun lagi. Saban tahun, pelbagai peruntukan dan insentif disediakan oleh pihak kerajaan dalam beberapa siri projek pembangunan untuk kepentingan rakyat di bumi Malaysia ini. Salah satu projek nasional yang terkini di Malaysia iaitu projek pembinaan landasan berkembar keretapi elektrik yang bermula dari Ipoh, Perak sehingga berakhir di Padang Besar, Perlis yang bertujuan untuk memberi kemudahan perhubungan kepada semua rakyat Malaysia. Dalam pembinaan landasan keretapi ini, beberapa lot-lot tanah bermilik termasuk dalam pelan pembinaan landasan keretapi tersebut. Maka, pihak berkuasa telah menjalankan proses pengambilan tanah berpandukan pada peruntukan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Akta ini digunakan kerana projek yang dijalankan ini merupakan sebuah projek kerajaan yang bertujuan untuk memantapkan jaringan pengangkutan di Malaysia ini.

Disamping itu, pengambilan tanah yang dilakukan oleh pihak berkuasa ini juga melibatkan beberapa lot-lot tanah yang berstatus wakaf. Sebagai contoh, di daerah Kota Setar Kedah, empat lot tanah wakaf yang terdapat sebuah masjid dan beberapa lot-lot tanah perkuburan telah diambil oleh pihak berkuasa untuk dibina laluan landasan keretapi dikawasan tersebut. Pengambilan tanah wakaf ini mendapat persetujuan dari Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) selaku mutawalli yang dilantik untuk menguruskan tanah-tanah wakaf tersebut kerana projek yang dijalankan ini merupakan sebuah projek nasional dan penggunaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telah mengatasi bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) di Malaysia apabila dalam Seksyen 3 Akta ini jelas menyatakan bahawa mana-mana pihak atau perbadanan boleh mengambil mana-mana tanah yang diperlukan untuk kemajuan ekonomi walaupun ianya melibatkan tanah-tanah wakaf. Namun, proses penggantian atau Istibdal wakaf wajib disempurnakan seperti yang diputuskan oleh Majlis Fatwa

Kebangsaan. Secara ringkas, Istibdal bermaksud pembelian harta wakaf lain sebagai ganti dengan harta yang sama ataupun harta yang lebih baik nilainya dan manfaatnya daripada harta yang pertama (Manual Pengurusan Istibdal Wakaf, 2010). Namun, yang menjadi persoalan adalah, apakah isu dan masalah dalam aktiviti pengambilan tanah wakaf ini?

Oleh yang demikian, pengambilan tanah yang melibatkan tanah wakaf ini perlu dikecualikan bagi memelihara keberlangsungan aset-aset wakaf. MAIN juga sebolehnya untuk mengelakkan tanah wakaf diambil oleh pihak berkuasa khususnya tanah wakaf khas (Mohd Afandi, 2008). Oleh itu, persoalan kepada apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam amalan pengambilan tanah wakaf di Kedah ini, perlu difikirkan oleh semua pihak untuk memelihara tanah-tanah wakaf ini daripada terus diambil oleh pihak berkuasa bagi menjalankan pembangunan untuk kemajuan ekonomi.

Oleh itu, berikutan daripada beberapa persoalan yang dibangkitkan diatas, maka suatu kajian yang konklusif akan dijalankan terhadap pengambilan tanah wakaf ini. Fokus kajian ini adalah pada kes-kes Istibdal tanah wakaf di salah sebuah negeri di utara tanah air Semenanjung Malaysia iaitu negeri Kedah Darul Aman.

1.2 Pernyataan Masalah

Mengikut Akta Pengambilan Tanah (APT)1960 apabila Pihak Berkuasa Negeri (PBN) memerlukan mana-mana tanah untuk apa-apa maksud seperti yang terkandung dalam Seksyen 3 APT 1960, maka pemilik tanah pada ketika itu wajib menyerahkan tanah kepada PBN dengan mematuhi beberapa peraturan yang ditetapkan dalam undang-undang sivil tersebut. Begitu juga jika pengambilan tanah melibatkan tanah wakaf apabila ianya dibolehkan untuk pengambilan tetapi haruslah mengikut tujuan untuk *masalah ammah* atau kepentingan umum sahaja (Che Zuina *et al.*, 2006). Sebagai contoh, kerajaan negeri memerlukan sejumlah bahagian tanah wakaf untuk pembinaan jalan utama ke pusat bandar, maka Majlis Agama Islam

Negeri (MAIN) haruslah mengizinkan tanah tersebut dilakukan pengambilan oleh PBN kerana tujuannya jelas untuk *masalah ammah*. Maka penggantian yakni Istibdal wajib disempurnakan oleh pihak yang membuat pengambilan sama ada pampasan dibayar mengikut nilai tanah atau menggantikan dengan tanah lain yang setara atau yang lebih baik nilainya dari tanah asal (Majlis Fatwa Kebangsaan, 1999).

Menerusi kajian awal pengkaji iaitu seperti melalui pembacaan artikel, media massa, temu bual bersama tokoh ilmuwan yang tidak asing lagi dan profesional dalam pengambilan tanah dan wakaf iaitu Prof. Hj Salleh Buang, maka pengkaji membuat keputusan untuk menjalankan penyelidikan mengenai pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Ini kerana di Kedah terdapat beberapa kes-kes pengambilan tanah yang giat dijalankan oleh PBN mahupun pihak swasta (Salleh Buang, 2015). Selain itu, negeri Kedah merupakan antara negeri yang terkehadapan dalam soal perancangan dan pembangunan Istibdal di Malaysia berbanding negeri-negeri lain (Mohd. Afandi, 2013).

Terdapat beberapa isu yang dikenalpasti dalam soal pengambilan tanah wakaf di Kedah. Isu pertama ialah di Kedah kebanyakan tanah-tanah wakaf telah diambil oleh pihak kerajaan atas alasan pembangunan ekonomi. Sebagai contoh di Kedah, lot A merupakan sebuah kawasan tanah lapang yang tidak diusahakan dan terletak pada kedudukan yang strategik. Bersebelahan dengan lot A adalah merupakan sebidang tanah wakaf yang terdapat sebuah madrasah yang tertua di negeri Kedah. Oleh itu, pihak kerajaan negeri telah membuat keputusan untuk membangunkan lot A tersebut. Pelan projek pembangunan lot A ini termasuk juga tanah wakaf yang terdapat sebuah madrasah yang terletak bersebelahan dengan lot A tersebut. Maka, pihak pemaju bagi projek pembangunan lot A ini telah membuat suatu permohonan untuk melakukan pengambilan tanah wakaf bagi tanah yang terletak bersebelahan lot A tersebut daripada Majlis Agama Islam Kedah (MAIK). Dalam pada itu, pihak berkuasa bercadang untuk merobohkan madrasah di atas tanah wakaf berkenaan. Ini bagi memberi laluan pada projek pembangunan yang berpotensi tinggi untuk meningkatkan ekonomi negeri dan menggantikan dalam bentuk wang sebagai pampasan kepada MAIK. Pengambilan tanah wakaf seumpama ini adalah bertentangan dengan hukum syarak kerana merobohkan madrasah iaitu pusat keagamaan umat Islam untuk tujuan pembangunan ekonomi adalah dilarang sama

sekali selaras dengan hukum dalam Mazhab Shafie' (Syeikh Ahmad Zaki, 2016). Disamping itu, niat asal pewakaf pada masjid itu, tidak dapat dipenuhi kerana pada asalnya tanah itu diwakafkan untuk tujuan masjid sahaja. Oleh itu, persoalannya ialah apakah isu dan masalah dalam aktiviti pengambilan tanah wakaf ini? Maka, kajian ini akan mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah. Beberapa kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah akan dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini.

Isu yang kedua dalam penyediaan kajian ini adalah penggunaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dalam urusan pengambilan tanah wakaf. Di negeri Kedah, terdapat beberapa kes-kes pengambilan tanah untuk pembangunan yang dijalankan di negeri ini. Tidak terkecuali, pihak berkuasa turut mengambil tanah wakaf kerana ianya termasuk dalam pelan projek pembangunan bagi sesuatu projek yang dijalankan tersebut. Oleh itu, pihak Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), selaku pemegang amanah harta tanah wakaf di negeri Kedah, perlu menyerahkan tanah wakaf tersebut kepada pihak berkuasa untuk memberi laluan kepada projek pembangunan yang dijalankan namun mensyaratkan pengambilan tanah wakaf yang dilakukan adalah untuk tujuan kepentingan umum atau *masalah ammah* sahaja. Oleh yang demikian, pada pandangan pengkaji, MAIK tidak boleh mempertikaikan keputusan pihak berkuasa apabila tanah-tanah wakaf diperlukan bagi projek yang dijalankan tersebut. Ini kerana wakaf tidak mempunyai sebuah akta yang khusus dan penggunaan APT 1960 adalah merupakan undang-undang yang diguna pakai oleh pihak berkuasa dalam urusan pengambilan tanah wakaf di negara ini. Disamping itu, daripada pengambilan tanah wakaf ini, pihak kerajaan membayar pampasan iaitu sama ada dalam bentuk wang atau penggantian tanah dengan tanah kepada MAIK sebagai gantian terhadap pengambilan tanah wakaf yang dibuat ini.

Oleh itu persoalan yang timbul ialah apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam amalan pengambilan tanah wakaf di Kedah? Maka, kajian ini akan mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Pengkaji akan meneliti setiap isu dan masalah dalam kes-kes pengambilan tanah di Kedah dan mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf tersebut.

1.3 Jurang Kajian / *Research Gap*

Daripada kajian-kajian lepas dalam pengambilan tanah wakaf, pengkaji mendapati tidak banyak kajian mengenai pengambilan tanah wakaf di negara ini dilakukan. Rata-rata pengkaji menjalankan kajian terhadap wakaf dalam konteks yang berbeza-beza seperti wakaf dalam konteks pendidikan, pengurusan tanah wakaf dan lain-lain kajian yang dilakukan dalam pemeraksanaan institusi wakaf di negara ini.

Antara pengkaji lepas yang menjalankan kajian terhadap pengambilan tanah wakaf adalah seperti Mohd Afandi (2010) dan Mohd Ridzuan (1985). Mohd Afandi (2010) telah melakukan kajian dan menerbitkan beberapa artikel mengenai pengambilan tanah wakaf ini. Antara artikel yang ditulis oleh beliau adalah seperti Mekanisme Istibdal dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (2010); *The Acquisition of Terengganu Islamic Religious Council Endowed (Waqf) Land by State Authority: Issues and Challenges*(n.d.) dan *The Implementation of Land Acquisition Act (LAA) 1960 and Its Impact Against The Development of Waqf (Endowment) Land in Malaysia*(n.d.). Manakala Mohd Ridzuan (1985) telah melakukan penyelidikan dalam pengambilan tanah wakaf ini iaitu dari sudut undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Artikel yang ditulis ini adalah bertajuk, Pengambilan Balik Tanah: Satu Kajian mengikut Undang-Undang Sivil dan Islam yang diterbitkan pada tahun 1985.

Oleh yang demikian, setelah pengkaji melakukan bacaan pada kajian-kajian lepas yang dijalankan ini, pengkaji mendapati masih belum ada kajian mengenai pengambilan tanah wakaf yang mengfokuskan kajian pada isu dan permasalahan yang wujud disebalik pengambilan tanah wakaf tersebut. Bagi pengkaji, tanah-tanah wakaf ini perlu dipelihara dengan sebaik mungkin kerana matlamat asal tanah itu diwakafkan adalah untuk tujuan keagamaan dan bukannya untuk tujuan yang tidak memenuhi hukum syarak seperti situasi yang berlaku pada hari ini iaitu pengambilan tanah wakaf untuk tujuan ekonomi dan sebagainya. Maka dalam kajian ini, pengkaji akan melakukan kajian dalam pengambilan tanah wakaf dengan menjadikan negeri Kedah sebagai negeri kajian kes yang bertujuan untuk memenuhi lompong kajian yang belum dipenuhi tersebut. Di negeri Kedah terdapat beberapa kes-kes

pengambilan tanah wakaf giat dijalankan oleh pihak berkuasa dan pihak-pihak lain di mana matlamat pengambilan tanah wakaf yang dilakukan tersebut adalah untuk tujuan pembangunan ekonomi. Disamping itu, adalah sangat wajar dilakukan kajian terhadap pengambilan tanah wakaf ini kerana jumlah tanah wakaf di negeri Kedah berkurangan kerana pengambilan tanah wakaf dilakukan bukan untuk keperluan darurat malah untuk kepentingan yang tidak menurut hukum syarak dalam Islam.


Maka dalam memenuhi lompang kajian ini, pengkaji telah melakukan kerangka teoritikal dengan menghubungkan kajian empirikal terdahulu dalam melakukan penyelidikan ini. Justeru itu, kajian-kajian lepas merupakan sumber bahan yang dirujuk oleh pengkaji dalam melakukan kajian ini.

Oleh yang demikian, apabila kajian pengambilan tanah wakaf ini dilakukan di negeri Kedah kelak dan sekali gus lompang kajian telah dipenuhi, maka pengkaji yakin bahawa persoalan-persoalan kepada pengambilan tanah wakaf ini dapat diketahui dan menjadikan asas dalam menyelesaikan isu dan permasalahan dalam pengambilan tanah wakaf di negeri lain di Malaysia bagi tanah-tanah wakaf yang diambil oleh pihak berkuasa.

1.4 Fokus Kajian

Dalam kajian ini, fokus kajian pengkaji adalah pada peringkat pengambilan tanah wakaf dimana penyelidikan secara khusus akan dijalankan oleh pengkaji dengan menganalisis beberapa kes-kes pengambilan tanah wakaf yang melibatkan tanah yang berstatus wakaf di negeri Kedah berdasarkan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Kajian yang mendalam akan dilakukan oleh pengkaji bagi mendapatkan isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah yang berlaku di negeri Kedah. Kemudiannya, pengkaji akan mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Maka dengan kajian yang dilakukan pada kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah ini, pengkaji yakin bahawa kajian ini akan membawa ke arah pembentukan akta pengambilan tanah yang khusus untuk wakaf di negara kita pada masa hadapan.

Ilustrasi pada Rajah 1.1 dibawah menggambarkan fokus kajian bagi kajian yang akan dilakukan.



Rajah 1.1: Bidang Kajian dalam Penyelidikan yang Dijalankan

Sumber: Pengkaji (2016)

1.5 Matlamat Kajian

Mengkaji pelaksanaan pengambilan tanah wakaf di Kedah ke arah cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960.

1.6 Persoalan Kajian

Berdasarkan isu-isu kajian yang dikemukakan dalam pernyataan masalah, terdapat dua persoalan dalam kajian ini. Isu pertama ialah kebanyakan tanah-tanah wakaf telah diambil oleh pihak kerajaan atas alasan pembangunan ekonomi.

Manakala isu yang kedua pula ialah penggunaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dalam urusan pengambilan tanah wakaf. Oleh itu, dua persoalan telah dibentuk oleh pengkaji untuk menjawab isu-isu tersebut. Berikut merupakan dua persoalan dalam kajian ini:-

- i. Apakah isu dan masalah dalam aktiviti pengambilan tanah wakaf?
- ii. Apakah penambahbaikan yang perlu dilakukan dalam amalan pengambilan tanah wakaf di Kedah?

1.7 Objektif Kajian

Daripada dua persoalan kajian yang dikemukakan, maka pengkaji telah membentuk dua objektif sebagai formulasi kajian dalam menjalankan penyelidikan ini. Berikut merupakan objektif kajian dalam kajian ini:-

- i. Mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah.
- ii. Mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di Kedah.

1.8 Justifikasi Pemilihan Kawasan Kajian

Dalam kajian ini, negeri Kedah Darul Aman dipilih sebagai negeri kawasan kajian bagi menjalankan penyelidikan ini. Justifikasi pemilihan kawasan kajian di negeri Kedah adalah kerana di Kedah terdapat beberapa kes-kes pengambilan tanah yang giat dijalankan oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) atau pihak pemaju yang menjalankan projek-projek pembangunan di atas tanah yang diambil tersebut (Salleh Buang, 2015). Menurut Afiffudin dan Mohd Ridzuan (2013), pengambilan tanah oleh PBN di Kedah ini termasuk juga tanah-tanah wakaf untuk projek-projek pembangunan ekonomi negeri dan untuk faedah orang awam. Oleh yang demikian, apabila pengambilan tanah wakaf dijalankan oleh pihak berkuasa, maka tanah wakaf yang asal itu wajib diganti seperti yang terkandung dalam syarat-syarat Istibdal wakaf iaitu sama ada nilai tanah seperti yang asal atau lebih baik dari yang asal.

Dalam pada itu, negeri jelapang padi ini dipilih sebagai kawasan kajian kerana negeri Kedah adalah di antara negeri di Semenanjung Malaysia yang agak maju dalam soal perancangan dan pembangunan Istibdal berbanding negeri-negeri lain (Mohd Afandi, 2010). Menurut Mohd Afandi (2010), terdapat sebuah jawatankuasa khas yang khusus untuk membincangkan hal ehwal tanah-tanah wakaf yang diambil oleh pihak berkuasa di negeri Kedah yang melibatkan tanah wakaf. Jawatankuasa ini ialah 'Jawatankuasa Pembelian Tanah'. Maka dengan ini, pengkaji yakin bahawa dengan membuat kajian di negeri Kedah mengenai pengambilan tanah wakaf ini, maka pengkaji dapat menyumbangkan sedikit sebanyak idea atau jalan penyelesaian dalam pengurusan pengambilan tanah wakaf di Kedah.

1.9 Skop Kajian

Dalam usaha untuk menyediakan kajian ini, beberapa kajian-kajian lepas berkaitan dengan pengambilan tanah wakaf akan dijadikan rujukan untuk menghasilkan satu kajian yang bersifat memberi kepentingan kepada semua pihak.

Oleh itu, dalam bahagian skop kajian ini, pengkaji akan membincangkan dapatan kajian-kajian lepas daripada beberapa kajian yang dijalankan oleh penyelidik-penyelidik mengenai pengambilan tanah wakaf ini. Bagi pengkaji, skop kajian ini penting untuk dibincangkan agar pengkaji dapat mengetahui bidang yang masih belum diterokai disamping sumbangan pengkaji pada penyelidikan yang dijalankan ini.

Antara pengkaji yang pernah menjalankan kajian terhadap pengambilan tanah wakaf adalah oleh Mohd Afandi. Beliau telah menerbitkan beberapa artikel mengenai pengambilan tanah wakaf. Antaranya kajian yang bertajuk "*The Acquisition of Terengganu Religious Council Endowed (Waqf) Land by State Authority: Issues and Challenges*" yang diterbitkan pada tahun 2006. Dalam kajian ini, beliau telah melakukan tinjauan pada pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa berdasarkan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dan Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 untuk menjawab persoalan kajian yang dilakukan iaitu adakah pengambilan tanah wakaf selari dengan undang-undang Islam? Negeri Terengganu

dijadikan negeri kawasan kajian oleh pengkaji ini kerana di negeri Terengganu terdapat banyak tanah-tanah wakaf yang diambil adalah untuk kepentingan ekonomi negeri. Oleh kerana kajian ini merupakan kajian tinjauan, maka Mohd Afandi (2006) telah memberi pandangan bahawa pihak berkuasa perlu memainkan peranan dalam soal pengambilan tanah yang melibatkan tanah wakaf. Konsep Istibdal perlu dilakukan oleh pihak yang bertanggungjawab agar kelangsungan aset wakaf itu terpelihara disamping pahala yang berterusan oleh pewakaf. Dalam pada itu, dalam kajian ini Mohd Afandi (2006) mencadangkan bahawa pihak kerajaan perlu memberi bantuan kewangan yang lebih kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) bagi pihak Majlis untuk melakukan proses Istibdal bagi tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak berkuasa.

Kajian pengambilan tanah wakaf berikutnya juga merupakan kajian yang dijalankan oleh Mohd Afandi iaitu yang bertajuk "*The Implementation of Land Acquisition Act (LAA) 1960 and Its Impact Against The Development of Waqf (Endowment) Land in Malaysia*". Dalam kajian ini, beliau telah membincangkan pengambilan tanah wakaf berdasarkan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 sama ada pengambilan yang dilakukan oleh pihak berkuasa memenuhi kehendak syarak atau sebaliknya. Beberapa cadangan telah diberikan oleh beliau kepada pihak-pihak yang terlibat untuk memperbaiki sistem pengambilan tanah wakaf di Malaysia ini.

Disamping itu, Mohd Afandi juga telah melakukan kajian yang bertajuk *Fatwa Wakaf di Malaysia: Analisis Khusus Fatwa Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN)*. Dalam kajian ini, beliau telah menganalisis fatwa-fatwa berkenaan isu pengambilan tanah wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN) yang bermula dari tahun 1951 sehingga tahun 2006. Disamping itu, beliau telah mengkaji fatwa-fatwa pengambilan tanah wakaf oleh PBN bagi negeri Terengganu, Kedah, Melaka, Johor dan Perak. Hasil dapatan dalam kajian ini mendapati bahawa fatwa berkaitan hukum pengambilan tanah wakaf oleh kerajaan masih kurang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri dan juga Majlis Fatwa Kebangsaan sehingga kajian ini dilakukan. Hal ini kerana pemakaian Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 telah mengatasi bidang kuasa MAIN selaku pemegang amanah tunggal di Malaysia.

Bagi sekumpulan penyelidik dari UiTM Terengganu, Che Zuina, Nor Hidayah dan Hapiza (2006) dalam kajian mereka yang bertajuk, Isu Perundangan Wakaf: Kajian Penambahbaikan dalam Pengurusan pula telah mengupas isu-isu perundangan yang menjadi cabaran kepada pelaksanaan pengurusan harta wakaf di Malaysia. Kajian ini menyentuh amalan pengambilan tanah wakaf oleh pihak berkuasa dari aspek perundangan mengikut Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perlunya penambahbaikan aspek pengurusan dan perundangan secara komprehensif ke atas tanah wakaf di Malaysia. Daripada isu yang berbangkit dalam perundangan wakaf yang dianalisis oleh para pengkaji lepas, maka beberapa cadangan penyelesaian turut dikemukakan dalam usaha untuk penambahbaikan sistem perundangan dan pengurusan wakaf di Malaysia.

Afiffudin dan Mohd Ridzuan (2013) dalam kajian yang bertajuk “Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah” pula menekankan dari segi aspek pendirian empat mazhab terhadap Istibdal wakaf. Disamping itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti sejauh mana pelaksanaan Istibdal wakaf di negeri Kedah dengan menganalisis beberapa kes-kes yang berkaitan dengannya. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelaksanaan Istibdal wakaf di negeri Kedah telah memberi banyak manfaat dan faedah kepada masyarakat.

Mohd Ridzuan (1985) pula telah melakukan kajian bagi pengambilan tanah wakaf iaitu yang bertajuk “Pengambilan Balik Tanah: Satu Kajian mengikut Undang-Undang Sivil dan Islam”. Dalam kajian ini, beliau telah membincangkan pengambilan tanah dari segi undang-undang sivil iaitu Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 dari segi teori pengambilan balik tanah di Malaysia, tujuan pengambilan balik tanah, proses-proses pengambilan balik tanah dan prinsip penentuan bayaran pampasan bagi tanah yang diambil oleh pihak berkuasa. Dalam pada itu, Mohd Ridzuan (1985) turut membincangkan mengenai pengambilan balik tanah dari sudut Islam iaitu teori pengambilan balik tanah dalam Islam dan konsep tahdid *al-milkiyyah* dan *al-ta'mim*. Justeru itu, kajian ini merupakan salah satu sumber rujukan oleh pengkaji dalam melakukan kajian terhadap pengambilan tanah wakaf kerana Mohd Ridzuan (1985) telah membincangkan secara mendalam bagi kedua-dua peruntukan iaitu pengambilan tanah wakaf mengikut undang-undang sivil dan Islam.

Oleh yang demikian, berdasarkan kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini dalam konteks pengambilan tanah wakaf, pengkaji mendapati masih terdapat ruang yang memerlukan suatu kajian mendalam iaitu mengenai pengambilan tanah wakaf yang kian berlaku pada masa kini dengan tujuan pengambilan itu tidak berlandaskan hukum syarak. Sebagai contoh kes pengambilan tanah wakaf yang berlaku di negeri Kedah dimana madrasah dirobohkan untuk memberi laluan pada projek pembangunan sebuah kompleks membeli belah dikawasan tapak madrasah tersebut. Perobohan madrasah ini dibenarkan berdasarkan keputusan Majlis Fatwa Negeri Kedah dan penggantian atau Istibdal wakaf perlu disempurnakan. Jika diikutkan, umat Islam di Malaysia mengikut pendapat dari Mazhab Shafi'e dalam soal hukum hakam keagamaan di Malaysia. Mazhab ini melarang sekeras-kerasnya pelaksanaan Istibdal ke atas harta alih ataupun harta tak alih terutamanya pada larangan terhadap Istibdal wakaf masjid walaupun masjid itu telah usang dan tidak dapat digunakan lagi. Namun apa yang berlaku pada hari ini adalah pandangan dari Mazhab Shafi'e ini tidak diikuti sepenuhnya di Malaysia misalnya seperti pada kes perobohan madrasah di negeri Kedah itu. Madrasah dirobohkan dan tanah wakaf dijadikan aset yang boleh dibeli oleh pihak lain untuk menjalankan projek yang menguntungkan ekonomi. Persoalannya sampai bilakah pihak berkuasa akan mengambil tanah-tanah wakaf untuk menjalankan pembangunan di atas tanah milik umat Islam ini?

Untuk memelihara tanah-tanah wakaf ini daripada terus diambil oleh pihak berkuasa atau pihak pemaju yang menjalankan projek-projek pembangunan, perlu dilihat pada undang-undang yang diguna pakai dalam pengambilan tanah wakaf ini. Sehingga ke hari ini, masih belum terdapat akta yang khusus untuk dirujuk yang berkaitan dengan pengambilan tanah wakaf. Maka dengan itu, undang-undang sivil iaitu Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 diguna pakai oleh pihak berkuasa untuk pengambilan tanah wakaf. Oleh itu, pihak berkuasa dibenarkan mengambil tanah wakaf untuk menjalankan apa-apa projek untuk kepentingan ekonomi. Namun dalam Islam, pengambilan tanah wakaf itu dibenarkan asalkan untuk tujuan *maslahah ammah* sahaja.

Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini akan memberi tumpuan kepada isu dan masalah yang terdapat dalam kes-kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah

iaitu negeri kajian kes penyelidikan ini dan seterusnya mencadangkan penambahbaikan yang sewajarnya. Tujuan kajian ini dilakukan adalah ke arah cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Bagi pengkaji, kajian yang mendalam perlu dilakukan untuk mewujudkan akta yang khusus mengenai wakaf di negara ini. Justeru itu, dalam kajian ini matlamat kajian yang dilakukan adalah hanya pada pindaan beberapa seksyen-seksyen dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang diguna pakai sekarang di Malaysia.

Walaupun terdapat kajian terhadap kes-kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah seperti yang dilakukan oleh Afiffudin dan Mohd Ridzuan (2013), namun kajian ini memberi tumpuan kepada kesan pengambilan tanah wakaf yang dilakukan oleh pihak berkuasa kepada ekonomi negeri Kedah dan impak terhadap penduduk negeri Kedah. Bagi pengkaji, dalam soal pengambilan tanah wakaf ini, terdapat isu dan masalah yang perlu dikaji terlebih dahulu bagi mencari penyelesaian terhadap isu dan masalah tanah-tanah wakaf yang diambil bukan seperti mana kehendak syarak. Maka untuk menjalankan kajian ini, pengkaji akan merujuk pada kajian-kajian yang lepas yang akan dijadikan sumber rujukan yang penting untuk pengkaji menjalankan kajian. Justeru itu, pengkaji berharap dengan kajian yang dilakukan ini sedikit sebanyak dapat memberi suatu pembaharuan dalam pengurusan pengambilan tanah wakaf di Malaysia ini.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian mengenai wakaf acapkali dijalankan oleh pelbagai pihak seperti penyelidik di universiti, penyelidik badan-badan kerajaan mahupun bukan kerajaan, pihak yang terlibat dalam urusan pembangunan wakaf dan sebagainya. Pelbagai isu dan masalah dapat dirungkai oleh penyelidik dalam usaha untuk memantapkan institusi pewakafan di negara ini dan hasilnya diketengahkan dalam seminar-seminar di dalam dan di luar negara yang bertujuan untuk berkongsi hasil dapatan kajian yang dilakukan. Maka, pelbagai isu dan masalah tersebut dapat dibincangkan secara meluas oleh pakar-pakar dan golongan profesional yang terlibat dalam bidang

pewakafan dan seterusnya mencadangkan pelbagai penambahbaikan untuk memantapkan institusi yang mulia ini iaitu wakaf.

Dalam kajian ini, hasil daripada dapatan kajian ini kelak akan memberi manfaat dan kepentingan kepada bidang ilmu wakaf khususnya dan kepada beberapa pihak yang berkepentingan. Kajian yang dijalankan ini merupakan suatu kajian yang bersifat holistik dimana pengkaji mengkaji isu dan masalah yang wujud pada beberapa kes-kes pengambilan tanah wakaf yang berlaku di negeri Kedah dan seterusnya pengkaji akan mencadangkan penambahbaikan yang sewajarnya terhadap isu dan masalah yang wujud daripada kes-kes pengambilan tanah wakaf tersebut. Berikut merupakan antara beberapa kepentingan kajian yang dikemukakan oleh pengkaji dalam kajian ini:-

1.10.1 Bidang Ilmu Wakaf

Amalan berwakaf ini merupakan suatu ibadah dimana pahala daripada amalan berwakaf sangat besar dan pahalanya mengalir sehingga seseorang yang mewakafkan harta itu meninggal dunia. Oleh itu, harta yang diwakafkan oleh pewakaf ini perlu dipelihara dengan sebaiknya seperti yang diamanahkan ke mutawalli untuk menguruskan aset wakaf tersebut.

Pada zaman Rasulullah S.A.W aset wakaf diuruskan dengan sebaiknya dimana institusi wakaf ini telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah. Misalnya, seorang sahabat baginda Rasulullah S.A.W iaitu Saidina ‘Umar Al-Khattab telah menyempurnakan amalan wakaf dengan bersedekah hasil daripada kebun di Khaibar kepada golongan yang memerlukan seperti orang-orang kafir, hamba sahaya, kaum kerabat, sabilillah, Ibnu sabil dan tamu. Disamping itu, Saidina ‘Umar menetapkan bahawa tanah wakaf ini tidak boleh dijual, dibeli atau dipindahmilik sebaliknya hasil daripada kebun ini boleh dinikmati oleh golongan yang dinyatakan. Dalam pada itu, terdapat beberapa buah masjid dan binaan yang didirikan diatas tanah wakaf yang telah menjadi mercu tanda pada zaman

pemerintahan Islam antaranya seperti Masjid Al-Aqsa di Jerussalem, Masjid Quba', Universiti al-Azhar di Mesir dan lain-lain binaan yang hebat.

Namun, berbeza dengan situasi yang berlaku di Malaysia pada ketika ini dimana aset wakaf tidak dipelihara dan dilindungi dengan sebaiknya. Terdapat tanah wakaf yang diambil oleh pihak berkuasa untuk menjalankan projek yang menguntungkan ekonomi seperti projek nasional di bawah Rancangan Malaysia iaitu pembinaan landasan keretapi berkembar dari Ipoh, Perak sehingga ke Padang Besar, Perlis, pembinaan hotel di Kelantan dan salah satu kes yang berlaku di negeri Kedah apabila sebuah madrasah telah dirobohkan untuk memberi laluan pada projek pembinaan sebuah kompleks membeli belah yang terbesar di Kedah dimana projek ini memberi pulangan yang menguntungkan ekonomi pihak bukan Islam. Merobohkan masjid ini merupakan suatu tindakan yang salah dan bertentangan dengan hukum syarak dan disamping itu, Mazhab Shafi'e yang merupakan mazhab yang dirujuk di Malaysia juga melarang keras perobohan masjid. Namun oleh kerana pemakaian undang-undang sivil, perobohan rumah Allah itu dibenarkan dan projek tersebut diluluskan oleh pihak berkuasa untuk dibangunkan. Oleh yang demikian, tidak dapat dipertikaikan lagi pada hari ini undang-undang 'manusia' dilihat telah sedikit demi sedikit mengatasi hukum hakam agama Islam. Perkara yang ditegah dan bertentangan dengan hukum hakam Islam seolah-olah diketepikan sebaliknya perkara itu dibenarkan.

Menyedari hakikat ini, maka suatu kajian dilakukan dalam usaha untuk memelihara harta wakaf ini daripada diambil bukan tujuan *masalah ammah*. Kajian yang dilakukan dengan matlamat mencadangkan pindaan pada akta yang dirujuk untuk pengambilan tanah di Malaysia iaitu perundangan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 ini akan melakukan pindaan pada beberapa seksyen dalam APT 1960. Bagi pengkaji kajian ini merupakan satu 'kajian awalan' yang dapat disumbangkan oleh pengkaji untuk memartabatkan institusi wakaf di Malaysia ke arah penggubalan akta yang khusus untuk wakaf pada suatu masa akan datang. Memetik pandangan dari Datuk Dr. Abd Latiff Ahmad semasa sidang dewan rakyat 2017, beliau mencadangkan suatu akta wakaf perlu diwujudkan bagi menyusun semula dan memperkukuhkan sistem pengurusan harta-harta wakaf di negara ini dan menjadikan wakaf sebagai suatu cabang sumber kekayaan negara. Maka dengan itu, dengan

adanya sebuah akta yang khusus mengenai wakaf, maka proses pengambilan tanah wakaf dapat dirujuk kepada akta dan hanya kes-kes yang melibatkan pengambilan tanah untuk tujuan *masalah ammah* sahaja dibenarkan.

Oleh yang demikian, pengkaji yakin dengan formulasi kajian yang kukuh disamping kajian yang mendalam pada kes-kes pengambilan tanah wakaf yang akan dikaji di negeri Kedah, maka kajian ini akan memberi maklumat dan dijadikan panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk memelihara tanah wakaf ini. Cadangan pemindaan akta wakaf yang merupakan matlamat kajian ini diharap dapat dilaksanakan oleh pihak yang terlibat agar tanah-tanah wakaf ini tidak diambil oleh pihak tertentu untuk objektif yang berbeza selain untuk keperluan *masalah ammah* sahaja. Justeru itu, kajian ini penting dilakukan untuk 'mengembalikan' matlamat wakaf yang asal iaitu untuk pembangunan ummah seperti pada zaman baginda Rasulullah S.A.W suatu ketika dahulu.

1.10.2 Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)

Majlis Agama Islam Kedah (MAIK) merupakan salah sebuah Badan Berkanun Kerajaan Negeri yang berperanan dalam menguruskan hal ehwal mengenai wakaf. Segala perkara mengenai wakaf diuruskan oleh MAIK selaku pemegang amanah tunggal yang berperanan untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan dalam memastikan ibadah wakaf ini disempurnakan dengan baik mengikut segala prosedur serta keputusan fatwa yang telah ditetapkan.

Namun, pada ketika ini MAIK berhadapan dengan masalah pengambilan tanah wakaf di mana tanah-tanah wakaf dibawah pengurusan MAIK diambil oleh pihak berkuasa untuk menjalankan projek pembangunan untuk meningkatkan ekonomi negeri Kedah. Jika pengambilan tanah tersebut untuk tujuan ekonomi negeri, maka tidak dapat dipertikaikan lagi oleh MAIK kerana pihak berkuasa merujuk kepada Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang merupakan undang-undang yang diguna pakai untuk urusan pengambilan tanah termasuk tanah-tanah wakaf di Malaysia. Hal ini berikutan wakaf tidak terdapat dalam Akta Pengambilan

Tanah (APT) 1960 dan MAIK tiada pilihan dan akur dengan keputusan pengambilan tanah wakaf untuk diambil oleh pihak berkuasa.

Oleh yang demikian, kajian yang akan dilakukan ini akan mencadangkan beberapa pindaan pada Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 yang sedia dan digunakan pada ketika ini di Malaysia untuk pengambilan tanah iaitu dengan memasukkan perkataan wakaf dalam beberapa seksyen pada undang-undang tersebut. Dengan cadangan yang dikemukakan ini, maka tanah-tanah wakaf akan lebih terpelihara kerana pengambilan yang boleh dilakukan hanyalah untuk keperluan *masalah ammah* sahaja dan bukannya untuk tujuan yang bertentangan dengan hukum syarak. Disamping itu, pengkaji juga akan mengemukakan cadangan bagi seksyen untuk bayaran pampasan dan keterlibatan Majlis Agama dalam urusan wakaf yang perlu diberi keutamaan.

Maka dengan cadangan ini, pengkaji yakin bahawa kajian ini akan membantu pihak MAIK untuk urusan pengambilan tanah-tanah wakaf di Kedah dengan cara pihak MAIK boleh melindungi tanah-tanah wakaf di Kedah apabila terdapat peruntukan mengenai wakaf dalam undang-undang sivil iaitu APT 1960. Walhal itu, besarlah harapan pengkaji agar kajian ini dapat membantu dan menyumbang sedikit sebanyak cadangan kepada MAIK dalam usaha untuk memajukan lagi institusi wakaf.

1.10.3 Penggubal Undang-Undang

Pada masa kini, Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960 digunakan sebagai akta yang dirujuk untuk pengambilan tanah di Malaysia. Apabila pihak berkuasa memerlukan mana-mana tanah bagi tujuan yang terkandung pada Seksyen 3, APT 1960, maka tanah-tanah tersebut dibenarkan untuk dilakukan pengambilan oleh pihak berkuasa walaupun secara paksaan. Definisi tanah dalam APT 1960 ini merupakan maksud tanah untuk tujuan umum dimana ianya tidak dijelaskan jenis tanah yang boleh diambil oleh pihak berkuasa. Oleh yang demikian, tanah wakaf juga boleh diambil oleh pihak berkuasa bila masa ianya diperlukan terutamanya pada

projek-projek pembangunan kerajaan yang berpotensi untuk kemajuan ekonomi negara. Hal ini kerana wakaf tidak terdapat pada mana-mana undang-undang khusus di Malaysia dan penggunaan APT 1960 digunakan untuk tujuan pengambilan tanah wakaf.

Tanah wakaf merupakan tanah yang boleh digunakan hanya untuk tujuan keagamaan seperti mendirikan masjid, madrasah, pusat-pusat pengajian Islam dan sebagainya. Adalah menyalahi hukum dalam agama Islam jika tanah wakaf itu digunakan bukan untuk tujuan umat Islam kerana tanah wakaf ini akan menjadi hak milik Allah S.W.T apabila pewakaf pada tanah asal wakaf tersebut meninggal dunia.

Justeru itu, perlunya suatu laguna undang-undang atau akta yang khusus untuk wakaf bagi memelihara tanah-tanah wakaf ini daripada diambil bukan untuk tujuan keperluan darurat umat Islam. Tambahan pula, sekiranya akta wakaf ini diwujudkan di Malaysia, maka sistem pentadbiran wakaf yang pada ketika ini yang berbeza-beza mengikut negeri akan diseragamkan dan lebih teratur serta sistematik disamping aset-aset wakaf juga akan bertambah kerana terdapat pengurusan yang mantap. Sebagai contoh, di negara Turki sebelum akta wakaf diwujudkan, hanya terdapat sebanyak 73 aset wakaf sahaja didermakan kepada institusi penaziran untuk diuruskan sebagai harta wakaf. Akan tetapi apabila akta wakaf diperkenalkan di negara tersebut, maka aset wakaf di negara itu bertambah iaitu sebanyak lebih 4000 aset yang didermakan oleh umat Islam (Utusan Malaysia, 2017). Oleh yang demikian, dalam untuk mencapai tujuan utama harta diwakafkan dalam Islam iaitu untuk pembangunan ummah, maka pihak kerajaan perlu melakukan suatu penambahbaikan untuk kelangsungan aset wakaf ini di Malaysia.

Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini bermatlamatkan pada kajian cadangan pindaan beberapa seksyen dalam APT 1960 dengan memasukkan perkataan wakaf dalam undang-undang sivil tersebut. Pihak penggubal undang-undang boleh merujuk pada kajian ini dalam membuat pindaan pada beberapa seksyen dalam APT 1960 terlebih dahulu sebelum kajian ke arah penggubalan sebuah akta yang khusus untuk wakaf pada masa akan datang. Bagi pengkaji, adalah perlu lebih banyak kajian yang mendalam dan holistik untuk penggubalan sebuah akta yang khusus untuk wakaf kerana ianya akan dijadikan sebuah panduan yang

akan dirujuk oleh semua pihak yang terlibat dengan pengambilan tanah wakaf. Oleh itu, penggubal undang-undang memainkan peranan yang amat penting dalam penggubalan akta wakaf ini dengan melihat dari segala sudut untuk keperluan dan relevansi pewujudan akta ini di Malaysia.

1.10.4 Pihak Berkuasa Negeri (PBN)

Pihak Berkuasa Negeri (PBN) merupakan antara pihak yang terlibat dalam urusan pengambilan tanah untuk menjalankan sesuatu projek pembangunan untuk tujuan-tujuan tertentu seperti yang terkandung dalam Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Ini termasuk tanah-tanah wakaf yang boleh diambil oleh PBN atas alasan untuk menjalankan projek-projek untuk memberi faedah kepada orang awam. Untuk itu, bagi memelihara tanah-tanah wakaf atau untuk melindungi tanah-tanah wakaf daripada terus berkurangan kerana telah diambil oleh pihak PBN, maka kajian ini dapat memberi satu pendekatan atau solusi kepada pihak PBN dalam memastikan pengambilan yang dilakukan tidak melanggar mana-mana hukum syarak yang ditetapkan dalam Islam.

1.10.5 Masyarakat Umum

Selain kajian ini berkepentingan kepada pihak-pihak yang dibincangkan di atas, kajian ini juga penting kepada masyarakat umum tidak kira sama ada yang beragama Islam dan golongan bukan beragama Islam. Dalam kajian awal pengkaji sebelum memulakan kajian ini, pengkaji ada membincangkan mengenai skop kajian yang akan dilakukan ini kepada beberapa kenalan pengkaji. Didapati mereka kurang kefahaman dan ada yang tidak mengetahui mengenai wakaf ini. Mereka hanya mengetahui wakaf ini adalah harta yang diwakafkan oleh golongan tertentu seperti Al-Quran yang diwakafkan di masjid, buku-buku agama yang diwakafkan ke perpustakaan dan lain-lain wakaf yang berupa harta alih sahaja. Natijahnya, golongan yang kurang berkefahaman mengenai ilmu wakaf ini hanya berpendapat

wakaf ini sama ertinya dengan konsep sedekah dimana harta yang diwakafkan itu mendapat ganjaran pahala di dunia sahaja. Tanggapan mereka ini adalah tidak benar kerana mereka kurang kefahaman mengenai amalan wakaf ini yang sekarang ini mula berkembang di Malaysia dengan pelbagai bentuk wakaf yang boleh dijalankan.

Disamping itu, bagi pengambilan tanah wakaf pula, konsep Istibdal juga masih belum difahami oleh segelintir pihak kerana mereka beranggapan tanah wakaf yang diambil tersebut tidak perlu kepada penggantian semula tanah wakaf. Justeru itu, kajian yang akan dijalankan ini penting kepada semua golongan masyarakat umum untuk mengetahui konsep penggantian tanah wakaf atau Istibdal wakaf yang wajib disempurnakan ini terutamanya kepada pihak pewakaf atau tuan tanah wakaf. Mereka perlu didedahkan dengan proses dan prosedur pengambilan tanah wakaf dari peringkat awal pengambilan tanah sehingga proses Istibdal telah sempurna dijalankan. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi informasi dan panduan yang berguna kepada pewakaf khususnya apabila tanah wakaf mereka terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak berkuasa.

1.11 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian menggunakan kaedah kajian kes. Konseptualisasi dalam kajian ini dibahagikan kepada enam peringkat iaitu: (1) Kajian Awalan, (2) Kajian Teoritikal, (3) Metod yang Digunakan –Kualitatif (Kajian Kes), (4) Pengumpulan Data, (5) Analisis Kajian dan (6) Penemuan dan Rumusan. Rajah 1.2 disebelah menerangkan carta alir metodologi kajian ini.

1.11.1 Peringkat 1: Kajian Awalan

Peringkat ini merupakan peringkat bagi pemilihan tajuk kajian dan pemahaman mengenai konsep dan skop kajian yang akan dijalankan. Pengkaji mengadakan perbincangan bersama penyelia dan merujuk kepada beberapa rujukan

seperti kertas-kertas seminar, jurnal, artikel dan sumber dari internet. Oleh itu, pada peringkat ini, setelah isu dan masalah dapat dikenal pasti, maka persoalan kajian telah dirangka dan seterusnya pengkaji membentuk matlamat dan objektif bagi kajian ini.

1.11.2 Peringkat 2: Kajian Teoritikal

Pada peringkat kajian teoritikal ini, pengkaji memberikan tumpuan pada aspek pembacaan bagi mendapatkan beberapa fakta-fakta pengambilan tanah wakaf. Pengkaji telah mengumpulkan beberapa bahan bacaan daripada jurnal, artikel, tesis kajian terdahulu, kertas seminar, Manual Pengurusan Wakaf dan Istibdal wakaf, bahan bacaan di internet dan temu bual. Kemudian, pengkaji telah menganalisis dengan terperinci setiap bahan bacaan ini dengan cara membuat ringkasan bagi setiap bahan bacaan bagi mendapatkan isu dan masalah dalam pengambilan tanah wakaf disamping untuk mendapatkan jurang kajian. Oleh itu, dalam tesis ini, terdapat dua bab yang membincangkan literatur kajian bagi penyelidikan yang dijalankan ini. Dua bab tersebut ialah harta wakaf dalam pengambilan balik tanah dan amalan Istibdal selepas proses pengambilan tanah wakaf.

1.11.3 Peringkat 3: Metod yang Digunakan –Kualitatif (Kajian Kes)

Dalam penyelidikan yang berteraskan kepada pendekatan kualitatif, maka pengkaji menggunakan reka bentuk kaedah kajian kes untuk mengkaji beberapa kes-kes Istibdal yang terlibat dengan pengambilan tanah wakaf di Kedah. Pengkaji akan memfokuskan kajian kepada beberapa kes-kes Istibdal bagi kategori tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan tanah oleh pihak kerajaan di negeri Kedah. Pengkaji akan membuat kajian yang mendalam bagi setiap kes-kes yang diperolehi bagi memenuhi objektif pertama kajian ini. Maklumat latar belakang bagi setiap kes-kes yang diperolehi akan dikupas dengan lebih mendalam dalam bab 5 iaitu bab kajian kes dalam tesis ini.

1.11.4 Peringkat 4: Pengumpulan Data

Pada peringkat ini, pengkaji akan mengumpulkan data yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan ini. Dalam kajian kes, antara sumber data yang diperlukan adalah dari sumber dokumen, temu bual dan pemerhatian (Othman, 2015). Oleh itu, dalam kajian ini dua jenis data yang akan diperolehi iaitu data primer dan data sekunder.

(a) Data Primer

Bagi data primer, proses pengumpulan data diperoleh hasil daripada temu bual bersama responden-responden yang dipilih oleh pengkaji yang berkebolehan dalam memberikan maklumat mengenai cadangan penambahbaikan bagi kes pengambilan tanah wakaf yang akan dibincangkan dalam kajian ini. Menurut Wan Mohd Rashid (2014), metod temu bual merupakan kaedah yang penting kerana maklumat yang diperlukan akan dapat diperolehi secara langsung hasil daripada bersua muka secara terus menerus. Pengkaji akan mengaplikasikan metod temu bual semi berstruktur iaitu soalan yang hendak diajukan oleh pengkaji akan ditentukan terlebih dahulu dan responden boleh menjawab persoalan yang dikemukakan secara terbuka serta dikembangkan oleh responden (Othman, 2007). Dalam sesi temu bual tersebut, pengkaji akan menggunakan borang temu bual yang mengandungi beberapa soalan penting yang akan ditanya oleh pengkaji kepada responden bagi kajian ini. Pengkaji berharap semua pihak yang terlibat dapat memberi kerjasama yang baik sepanjang sesi temu bual ini dijalankan.

(b) Data Sekunder

Bagi data sekunder pula, pengkaji akan mengumpulkan data dari sumber dokumen seperti kes-kes Istibdal dalam pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah. Pengkaji akan meneliti setiap kes-kes Istibdal bagi tanah-tanah wakaf yang terlibat dengan pengambilan secara terperinci bagi mendapatkan isu dan masalah pada kes-kes tersebut. Disamping itu, pengkaji akan merujuk kepada sumber seperti buku,

manual, jurnal, artikel, sumber daripada internet dan tesis-tesis terdahulu yang membincangkan tentang pengambilan tanah wakaf.


1.11.5 Peringkat 5: Analisis Kajian

Setelah selesai proses pengumpulan data, maka proses berikutnya adalah penganalisan data yang perlu dilakukan terhadap data-data yang diambil oleh pengkaji. Bagi objektif pertama iaitu mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah, pengkaji akan menggunakan teknik analisis secara kandungan manakala persepsi responden dikodkan dalam analisis untuk objektif kedua iaitu, cadangan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di Kedah. Penerangan yang lebih lanjut akan diterangkan oleh pengkaji dalam bab 4 iaitu bab metodologi dalam tesis ini.

1.11.6 Peringkat 6: Penemuan dan Rumusan

Pada peringkat terakhir dalam kajian ini, segala keputusan yang diperoleh adalah untuk mencapai matlamat utama kajian ini iaitu mengkaji pelaksanaan pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah ke arah cadangan pindaan Akta Pengambilan Tanah (APT) 1960. Untuk mencapai matlamat kajian, dua objektif juga perlu dicapai iaitu mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah dan cadangan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di Kedah. Oleh yang demikian, analisis-analisis yang mantap perlu ditonjolkan oleh pengkaji agar matlamat kajian dapat dicapai dengan jayanya dalam kajian ini.

1.12 Carta Alir Kajian



Rajah 1.2: Carta Alir Kajian

Sumber: Pengkaji (2015)

1.13 Jangkaan Penemuan

Melalui kajian yang akan dijalankan ini, pengkaji menjangkakan penemuan-penemuan yang akan ditemui dalam kajian ini mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan di peringkat awal kajian. Oleh itu, perlunya satu kajian yang konklusif dalam usaha untuk membantu pihak-pihak yang berkaitan seperti Majlis Agama Islam Negeri Kedah (MAIK) khususnya dan pihak-pihak lain yang terlibat dalam urusan pengambilan tanah wakaf ini. Maka dengan itu, pengkaji berharap objektif-objektif yang dikemukakan dalam kajian ini akan dapat dicapai dengan jayanya.

Objektif pertama iaitu mengkaji isu dan masalah bagi kes-kes pengambilan tanah wakaf di Kedah. Hasil penemuan dalam objektif yang pertama ini dijangka akan mendapatkan segala isu dan permasalahan yang wujud pada setiap kes-kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah yang dikaji oleh pengkaji dalam penyelidikan ini. Objektif kedua pula ialah mencadangkan penambahbaikan dalam pengambilan tanah wakaf di Kedah. Dalam objektif yang kedua ini, hasil penemuan akan menemui apakah cadangan-cadangan yang sesuai dalam kes-kes pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah.

Akhir sekali, pengkaji yakin dan pasti kajian pengambilan tanah wakaf di negeri Kedah ini dapat dijalankan dengan baik oleh pengkaji. Keyakinan ini wujud kerana kajian ini dibuat dengan teratur dan pengkaji mempunyai strategi yang mantap untuk mengetengahkan matlamat kajian ini melalui forum, persidangan atau seminar yang akan dibentangkan oleh pengkaji semasa dan selepas kajian ini dilakukan.

1.14 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dalam bab 1 ini, pengkaji telah menerangkan beberapa perkara penting yang perlu ada untuk menjalankan kajian ini. Satu matlamat dan dua objektif kajian telah diterangkan oleh pengkaji secara jelas kerana kedua-dua perkara ini merupakan aspek yang paling utama dalam menjalankan kajian ini. Dalam bab ini juga pengkaji telah memberi justifikasi mengapa negeri

Kedah dipilih sebagai negeri kajian kes pengkaji. Kemudiannya, di dalam bab ini juga mengandungi skop dan kepentingan kajian ini. Selain kepentingan kajian ini dalam bidang ilmu wakaf, terdapat beberapa pihak-pihak yang akan mendapat kepentingan daripada kajian ini iaitu Majlis Agama Islam Kedah (MAIK), penggubal undang-undang, Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan masyarakat umum. Disamping itu, pengkaji juga telah menerangkan secara ringkas metodologi kajian dalam bentuk carta alir yang mengandungi pendekatan kajian yang digunakan dan metod pengumpulan data serta bagaimana analisis data dilakukan dalam kajian ini. Huraian yang terperinci akan diterangkan oleh pengkaji dalam bab 4 dalam tesis ini.

BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman (2006). Perkembangan Harta Wakaf Pengalaman Negara-Negara Islam. *Konvensyen Wakaf Kebangsaan anjuran JAWHAR, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama UiTM Johor, UTM, UM, UIAM, YPEIM, IKIM, JAKIM dan YADIM*. 12-14 September 2006. Kuala Lumpur.
- Abdul Halim Ramli (2015). Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Indonesia dan Bangladesh (Siri 2). 19 Januari 2015. Diperoleh daripada <<http://abdulhalimramli.blogspot.my/2015/01/pembangunan-harta-wakaf-pengalaman.html>>. Tarikh akses: 18 Ogos 2016.
- Afiffudin Mohammed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (2013). Pelaksanaan Istibdal Istibdal Wakaf di Negeri Kedah. *Islamiyyat 35(1)*. 2013.
- Afiffudin Mohammed Noor, Ahmad Zaki Ghazali dan Mohd Afandi Mat Rani (2014). Pengurusan dan Pembangunan Harta Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF2014)*. 1-2 Disember 2014. Kuala Lumpur.
- Anan C. Mohd (2015). Pembangunan Wakaf menerusi Pendanaan Kerajaan dan Kerjasama Institusi Kewangan dan Korporat: Hala Tuju, Cabaran dan Harapan. *Program Muzakarah Wakaf anjuran JAKIM*. Sansana Kijang Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Asmaddy Haris (2015). Taraf Pendidikan dan Pemahaman Tentang Istibdal Wakaf: Kajian kes di Selangor. *Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV*. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.
- Azreen Hamiza Abdul Aziz (2015). Kefahaman Aplikasi Istibdal Wakaf: Kajian kes di Selangor dan Kedah. *Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV*. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.
- Bahagian Statistik Singapura. *Statistik Penduduk Singapura* (2010). Diperoleh daripada: <<http://www.singstat.gov.sg/statistics>>. Tarikh akses: 25 November 2016.
- Che Zuina Ismail, Nor Hidayah Harun dan Hapiza Omar (2006). Isu Perundangan Wakaf: Kajian Penambahbaikan dalam Pengurusan.

- Cresswell, J.W., (1994). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks: Sage.
- Cresswell, J.W.(1998). *Qualitative Inquiry and Research Design, Choosing Among Five Traditions*. Thousand Oaks: Sage.
- Cresswell, J.W. (2013). *Qualitative Inquiring and Research Design*. (3rd Edition).
- Fahrurroji, (n.d.).Pengembangan Harta Benda Wakaf Dengan Istibdal di Indonesia. Pascasarjana Program Studi Kajian Timur Tengah dan Islam Universitas Indonesia.
- Hisham Yaacob (2013). Waqf History and Legislation in Malaysia: A Contemporary Perspective. *Journal of Islamic and Human Advanced Research*, Vol 3, Issue 6, Page: 387-402.
- Hydzulkifli Hashim Omar dan Asmak Ab Rahman (2013). “Aplikasi Sukuk Dalam Usaha Melestarikan Aset Wakaf: Pengalaman Pemegang Amanah Wakaf Terpilih. *Jurnal Syariah*, Jil. 21, Bil. 2.
- Jasni Sulong (2015).Kefahaman Aplikasi Istibdal Wakaf di Terengganu. *Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV*. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.
- KamaruSalam Yusof dan Fadzliwati Mohiddin (2015). Pendapat Fuqaha’ dan Kesannya dalam Pelaksanaan Inovasi Wakaf di Brunei: Satu Tinjauan Awal. Kertas ISDEV, 2015.
- Luqman Abdullah (2010). Istibdal Harta Wakaf Dari Perspektif Mazhab Syafi’ e. *Journal of Fiqh*, No.7 (2010) 71-82.
- Maffuza Salleh dan Noor Syahida (2014). Wakaf Pendidikan Di Malaysia: Satu Tinjauan. *International Research Management and Innovation Conference 2014 (IRMIC2014)*. 17-18 November 2014. Kuala Lumpur.
- Mas Nooraini (2015). Status Wakaf Tunai di Brunei Darussalam: Sumbangannya Ke Arah Pembangunan Ummah. *International Conference on Cash Waqf 2015 (ICCW2015)*. 28-30 Mei 2015, Empress Hotel, Sepang Kuala Lumpur.
- Megat Mohd Ghazali Megat Abd. Rahman, Asiah Othman, Hussin Salamon, Nasrul Hisyam Nor Muhamad, Adibah Muhtardan Akmaliza Abdullah (*undated*). Pembangunan Tanah Wakaf- Isu, Prospek dan Strategi.

- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*, San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Mohd Afandi Mat Rani. (undated). The Implementation of Land Acquisition Act (LAA) 1960 and Its Impact Against The Development Of Waqf (Endowment) Land In Malaysia.
- Mohd Afandi Mat Rani (2006). The Acquisition of Terengganu Islamic Religious Council Endowed (Waqf) Land by State Authorities. Issues and Challenges.
- Mohd Afandi Mat Rani (2008). Fatwa Wakaf di Malaysia : Analisis Khusus Fatwa Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri (PBN). *Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu*. 18-19 Oktober 2008.
- Mohd Afandi Mat Rani (2010). Mekanisma Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri di Malaysia.
- Mohd Afandi Mat Rani (2013). Isu-Isu Pelaksanaan Istibdal Hartanah Wakaf di Malaysia.
- Mohd Afandi Mat Rani (2015a). Mekanisme Istibdal Dalam Pembangunan Tanah Wakaf di Terengganu. *Journal of Cotemporary Islamic Studies*. Volume 1 2015. ISSN2289-9634.
- Mohd Afandi Mat Rani (2015b). Relevansi Istibdal Hartanah Wakaf dalam Konteks Pembangunan Semasa di Malaysia: Satu Analisis di Selangor. *Kertas kerja persidangan di Bengkel Research University Team (RUT) 2-4 Mac 2015 ISDEV, USM*.
- Mohd Fazdli Rosli, Mohammad Haji Alias dan Suhaila Abdul Hamid (2017). Preliminary Study on Socio-Economic Impact of Selected Waqf Development in Malaysia Terengganu Culinary Academy. *Proceedings of the Muktamar Waqf Iqlimi (IQLIMI 2017)*. (e-ISBN: 9789-967-440-404-8). 19-20 September 2017, Universiti Sains Islam (USIM), Malaysia.
- Mohd Isa Mohd Deni, Hairullfazli Mohammad Somdan Mokhtar Ismail (2014). Wakaf dan Pendidikan di Indonesia. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*. (e-ISBN 978-967-13087-1-4). 1-2 Disember 2014, Kuala Lumpur.

- Mohd RidzuanAwang (1985). Pengambilan Balik Tanah: Satu Kajian Mengikut Undang-Undang Sivil dan Islam. *Islamiyat* 6, 1985, 3-24
- Mohd Rumaizuddin Ghazali (*undated*). Amalan Wakaf Menjana Kemajuan Umat Diperoleh daripada: <<http://www.mindamadani.my/isu-semasa/item/59-amalan-wakaf-menjana-kemajuan-umat.html>>. Tarikh akses: 20 April 2016.
- Mohamad Zaim Ismail, Muhammad Ikhlas Rosele dan Mohd Anuar Ramli (2015). Pemerkasaan Wakaf di Malaysia: Satu Sorotan. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, Vol.9, 2015, pp.1-13
- Mohiddin Md Omar (2013).Isu Pentadbiran Tanah Wakaf dalam Konteks KTN 1965 dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Sembilan. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, 3(1), 2013, ms. 25-37
- Norliza Mahalle dan Rose Abdullah (2015). Pengurusan Wakaf di Brunei Darussalam: Tinjauan Awal Terhadap Perlaksanaan Wakaf Istibdal. *Kertas kerja persidangan di Bengkel Research University Team (RUT)*, 2-4 Mac 2015 ISDEV, USM. Halaman: 2&14.
- Othman Lebar (2007). *Tradisi Penyelidikan Kualitatif*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar (2015). *Penyelidikan Kualitatif. Pengenalan Kepada Teori Dan Metode*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Portal Badan Wakaf Indonesia (2016).Diperoleh daripada:<<http://bwi.or.id/>>. Tarikh akses: 14 Oktober 2016.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kedah (2016). Diperoleh daripada: <https://portal.kedah.gov.my/kerajaan/pentadbiran/20-profil-negeri/1355-peta-negeri_kedah>.Tarikh akses: 23 Disember 2016.
- Portal Dakta.com (2016). Jumlah Muslim di Indonesia Terus Menurun. Diperoleh daripada: <<http://www.dakta.com/news/2116/jumlah-muslim-di-indonesia-terus-menurun>>. Tarikh akses: 22 Julai 2016.
- Portal Kerajaan Singapura (2016). Sejarah Singapura: Madrasah Alsagoff Al-Arabiah Diperoleh daripada: <<http://eresources.nlb.gov.sg/history/events/a4968add-f805-4959-ad22-dd9dc17be5aa>>. Tarikh akses: 23 Jun 2016.

- Portal Madrasah Al-Ma'arif Al-Islamiah (2016). Brief History of Madrasah Al-Ma'arif Al-Islamiah. Diperoleh daripada: <<http://www.madrasahalmaarifsg.net>>. Tarikh akses: 26 Julai 2016.
- Portal Madrasah Ibtidaiyah Daarul Uluum (2016). Sejarah Yayasan Daarul Uluum Al Islamiyah. Diperoleh daripada: <<https://midu1.wordpress.com/>>. Tarikh akses: 25 Julai 2016.
- Portal Singapore Expats (2016). The Chancery Residence. Diperoleh daripada: <<http://www.singaporeexpats.com/>>. Tarikh akses: 15 Jun 2016.
- Ragin C.C, & Becker, H.S. (1991). What is a case? Exploring the Foundations of Social Inquiry. Cambridge: Cambridge University Press.
- Razali Othman (2015). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. (Cetakan Kedua 2015). Mahkota Enterprise. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Risalah Wakaf Ilmu (2016). Diperoleh daripada: <<http://www.wakaf.sg/>>. Tarikh akses: 13 Jun 2016.
- S.Hisham, Hazel Adria Jasiran & Kamaruzaman Jusoff (2013). Substitution of Waqf Properties (*Istibdal*) in Malaysia: Statutory Provisions and Implementations. *Middle-East Journal of Scientific Research 13 (Research in Contemporary Islamic Finance and Wealth Management)*, 201. ISSN 1990-9233 : 23-27
- Sallehuddin Ishak (2013). Kuasa Menghurai Model Goodchild Dan Munton (1986) Dan Van Assen (2009) Dalam Masalah Pembangunan Tanah Wakaf Di Malaysia. *Jurnal Pentadbiran Tanah*, Jilid 3, Bilangan 1 (2013). ISSN 2231-9190. JKPTG
- Sayuti Ab Ghani, Mohd Hamran Mohamad, Hasan Al-Banna Mohamed & Basri Abdul Ghani (2011). Amalan Pendaftaran Tanah Wakaf: Satu Kajian Kes di bawah Majlis Agama Islam Negeri di Malaysia. *Seminar International 2011: Future Education in Global Challenges (ICETA 3)*, Hotel Garden Palace, Jawa Timur, Indonesia. 19 April 2011.
- Sharifah Zubaidah Syed Abdul Kader (2016). Kerangka Undang-Undang Pengurusan Wakaf di Malaysia: Ke Arah Keseragaman Undang-Undang.
- Singapore Infopedia (2016). Masjid Omar Kampong Melaka. Diperoleh daripada: <http://eresources.nlb.gov.sg/infopedia/articles/SIP_688_2004-12-27.html>. Tarikh akses: 13 Jun 2016.

- Siti Mashitoh Mahamod (2009). Perundangan Wakaf dan Isu-Isu Berbangkit. Diperoleh daripada: <<http://mahir-al-hujjah.blogspot.my/2009/02/perundangan-wakaf-dan-isu-isu.html>>. Tarikh akses: 10 Mei 2016.
- Stake, R.E.(1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks, Calif: Sage
- Strauss, A. & Corbin,J.(1998). *Basics of Qualitative Research, Grounded Theory Procedures and Techniques*. Newbury Park: Sage.
- Surat khabar Tempo Indonesia (2014). “Strategi Wakaf Negeri Singapura”. Diperoleh daripada: <<http://www.warees.sg/>>. Tarikh akses: 15 Jun 2016.
- Surat khabar Utusan Malaysia (2017). “ Kerajaan Disaran Wujud Akta Wakaf”. Tarikh akses: 6 November 2017.
- “*The Kelantan Times*”(2011). Pembesaran Hotel Perdana Kota Bharu. Diperoleh daripada:<<https://muhamadismailibrahim.wordpress.com/2011/03/09/pembesaran-hotel-perd>>. Tarikh akses: 8 Ogos 2016.
- Wan Abdul Wahid Wan Hassan (2012).Pemeriksaan Pemilikan Tanah Wakaf: Pengalaman MUIP. Kertas seminar Transformasi Perletakhakan Tanah Wakaf.
- Wan Mohd Rashid Wan Ahmad (2014). Penyelidikan Kualitatif dalam Pendidikan. *Slide Share*. Diperoleh daripada: <<http://www.slideshare.net/SuhailiHanafi/penyelidikan-kualitatif-dalam-pendidikan-merekod-mengurus-dan-menganalisis-data.>>. Tarikh akses: 21 Oktober 2015.
- Yahaya Ibrahim (2005). Fenomena Penempatan Komuniti Melayu Bandar di Tanah wakaf: Kajian di Georgetown, Pulau Pinang. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 15. Halaman 3.
- Yin, R.K.(2014). *Case Study Research: Design and Methods*.(5th Edition). Thousand Oaks, Calif: Sage
- Zahri Hamat (2015). Persepsi Aplikasi Istibdal Wakaf dalam Kalangan Jemaah Masjid di Kelantan. *Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV*. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.
- Zakaria Bahari (2015). Kefahaman dan Kesedaran Aplikasi Istibdal Wakaf: Kes Kajian Di Semenanjung Malaysia. *Bengkel Research University Team (RUT) ISDEV*. 2-4 Mac 2015, USM Pulau Pinang.
- Zaki Halim Mubarak (n.d.). Peranan Wakaf dalam Membangun Identitas Muslim Singapura.